

berkata: “Bahagian (teguran) ini nampak tidak ada kena mengena dan tidak sesuai langsung dengan bahagian sebelum (سبق) dan selepasnya (سباق).” Tetapi kepada orang mengetahui latar belakangnya pula, tidak ada apa yang tidak kena di dalam nukilan itu pada pandangannya. Begitulah juga dengan teguran Allah di dalam Surah al-Qiyaamah ini. Apabila Nabi s.a.w. menggerak-gerakkan lidah dan mempercepatkan bacaan agar tidak ada yang disampaikan oleh Jibril itu terlepas daripadanya atau kerana rindu sangat untuk membaca wahyu yang diturunkan, Baginda s.a.w. ditegur oleh Allah s.w.t. Apa yang dikehendaki daripada Baginda s.a.w. ialah menumpukan sepenuh perhatian kepada bacaan Jibril a.s. Adapun kemampuan mengingat lafaz-lafaznya, menghayati ma'na-ma'nanya dan menjelaskan ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya, semua itu termasuk dalam perkara-perkara yang dijamin Allah akan dijaga dan disempurnakanNya. (3) Az-Zamakhshari mentafsirkan, setelah Allah s.w.t. bersumpah dengan hari kiamat dan menggesa manusia supaya berfikir dan mengambil berat tentang apa-apa yang akan berlaku pada hari itu nanti (الأجلة). Inilah yang ditekankan Allah di dalam *Sibaq* ayat-ayat yang sedang kita bicarakan sekarang. Allah s.w.t. juga secara tersirat mencela dunia yang fana ini (العاجلة). Oleh kerana Nabi s.a.w. juga hendak cepat menguasai apa yang disampaikan oleh Jibril kepadanya dan tidak sabar-sabar menanti Jibril membacanya samapi habis, Baginda s.a.w. ditegur oleh Allah. Kerana sifat hendak cepat dan gopoh (العجلة) spt itu adalah tercela dan ia merupakan salah satu sifat dunia dan penghuninya yang fana. Sifat itu tetap tercela walaupun untuk menguasai ilmu-ilmu agama. Kemudian selepasnya, baru Allah mencela secara terang dunia yang fana ini (العاجلة) menerusi firmanNya: *كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ* Bermaksud: Sekali-kali janganlah demikian. Sebenarnya kamu (wahai manusia) mencintai kehidupan dunia. (al-Qiyaamah:20). (4) Al-Qaffaal pula mentafsirkan bahawa teguran yang tersebut di dalam ayat: *لَا تُخْرِكَ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ* itu bukanlah ditujukan kepada Nabi s.a.w. Sebaliknya ia ditujukan kepada seluruh umat manusia. Kerana setiap manusia di hari Qiamat kelak akan membaca buku suratan amalan masing-masing berdasarkan firman Allah s.w.t. di dalam ayat:

أَقْرَأْ كِتَابَكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ۝١٠

Bermaksud: Bacalah buku (suratan amalanmu), cukuplah engkau sendiri pada hari ini menjadi penghitung terhadap dirimu (tentang segala yang telah engkau lakukan). (al-Israa':14). Menurut al-Qaffaal, perkara ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. di dalam *Sibaaq* ayat-ayat tersebut iaitu di dalam ayat ke tiga belas sebelumnya:

يُنَبِّئُوا الْإِنْسَانَ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ۝١٣

Bermaksud: Pada hari itu, manusia akan diberitahu tentang apa yang ia telah lakukan, dan apa yang ia telah tinggalkan. (al-Qiyaamah:13). Lalu apabila bacaan mereka sampai kepada catitan-catitan amalan buruk masing-masing, mereka akan mempercepatkan bacaan kerana gerun dan takut kepada balasan yang akan diterima serta malu untuk mendedahkannya di hadapan khalayak ramai di Mahsyar nanti. Pada ketika itulah dikatakan kepadanya:

لَا تُخْرِكَ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۝١٤

Menurut al-Qaffaal, maksudnya ialah janganlah engkau membaca dengan cepat suratan amalanmu itu. Kerana;

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۝١٥

Al-Qaffaal mentafsirkannya dengan kata beliau: “Sesungguhnya Kami telah mengumpulkan segala-galanya di dalam buku suratan amalanmu itu dan Kami pasti akan membacanya (di hadapanmu)”. Ayat kelapan belas selepasnya, iaitu:

فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۖ

Menurut tafsiran al-Qaffaal adalah: Apabila Kami selesai membacanya, terima sajalah kandungan apa yang dibaca itu”. Ayat kesembilan belas selepasnya pula, iaitu:

ثُمَّ إِنَّا عَلَيْنَا نِهَاةٌ ۖ

Menurut tafsiran al-Qaffaal adalah: “Kemudian Kami akan menjelaskan balasan bagi setiap amalan buruk yang telah kamu lakukan”. Tafsiran al-Qaffaal ini, meskipun cukup sesuai dengan siyaaq dan sibaaqnya, namun ia tidak selaras dengan tafsiran Ibnu ‘Abbaas, di mana beliau mengaitkannya dengan peristiwa Nabi s.a.w. mempercepatkan bacaan Baginda untuk mengikuti bacaan Jibril yang menjadi *Sebab Nuzul* bagi ayat-ayat yang berkenaan. (5) Menurut tafsiran al-Qaffaal tadi, mafhum ‘kitab’ yang tersebut di dalam surah al-Qiyaamah ialah buku suratan amalan manusia. Tafsiran itu berbeza sekali daripada tafsiran Ibnu ‘Abbaas. Kerana dalam tafsiran beliau mafhum ‘kitab’ yang tersebut di dalam surah al-Qiyaamah ialah al-Qur’an yang disampaikan oleh Jibril kepada Rasulullah s.a.w. Tafsiran yang kelima ini dilihat cuba mengait dan menyesuaikan mafhum ‘kitab’ menurut tafsiran Ibnu ‘Abbaas dan al-Qaffaal kedua-duanya sekali. Asas bagi tafsiran kelima ini ialah terletak pada keterangan al-Qur’an sendiri, di mana setiap kali kitab atau buku suratan amalan di akhirat tersebutkan di dalam al-Qur’an, Allah s.w.t. berkali-kali menyusulkannya dengan kitab suratan hukum di dunia iaitu al-Qur’an. Cuba lihat sebagai contohnya beberapa kelompok ayat-ayat al-Qur’an yang akan dibentangkan nanti. (1) Setelah Allah s.w.t. berfirman:

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمْئِهِمْ فَمَنْ أَوْفَىٰ كِتَابِهِ يَمِيزُهُ فَأُولَٰئِكَ يُقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ۖ

Bermaksud: (ingatlah) Pada hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan (nama) imamnya; kemudian sesiapa yang diberikan kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita), dan mereka tidak dianiaya sedikitpun. (al-Israa’:71), Allah menyusulkan firmanNya itu dengan dengan firman berikut:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَىٰ أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ۖ

Bermaksud: dan sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang kali kepada manusia di dalam al-Qur’an ini, bermacam-macam perumpamaan (untuk dijadikan i’tibar). Dalam pada itu, kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain dari kekufuran. (al-Israa’:89). Lihat di dalam ayat 71 Surah al-Israa’ disebutkan kitab atau buku suratan amalan manusia di akhirat. Di dalam ayat 89 Surah al-Israa’ pula disebutkan kitab atau buku panduan hidup manusia di dunia iaitu al-Qur’an. (2) Setelah Allah menyebutkan ayat:

وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يُبَوِّلُنَا مَا لَ هَٰذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا ۚ وَلَا يَظْلُمُ رَبُّكَ أَحَدًا ۖ

Bermaksud: dan diletakkanlah Kitab, lalu engkau akan melihat orang-orang bersalah ketakutan terhadap apa yang (tertulis) di dalamnya, dan mereka berkata: “Aduhai celakalah kami! Mengapa

Kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil dan tidak (pula) yang besar, melainkan dicatat semuanya”; dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada (tertulis). Dan Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada sesiapa pun. (al-Kahf:49). Dia (Allah) menyusulkannya dengan ayat berikut pula:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا ۚ

Bermaksud: dan sesungguhnya Kami telah menerangkan kepada manusia di dalam al-Quran ini segala macam perbandingan. Memanglah manusia itu adalah makhluk yang paling banyak membantah. (al-Kahf:54). Di sini juga buku suratan amalan manusia di akhirat disusuli dengan buku suratan hukum atau buku panduan hidup di dunia, al-Qur'an. (3) Setelah Allah berfirman:

يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ وَنَحْشُرُ الْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ زُرْقًا ۚ

Bermaksud: (Iaitu) hari ditiup sangkakala, dan Kami akan himpunkan pada hari itu orang-orang yang bersalah dengan muka yang biru muram. (Thaaha:102), disusuliNya selepas beberapa ayat, dengan ayat berikut ini:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ الْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ۚ

Bermaksud: dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Qur'an dalam bahasa Arab, dan Kami telah terangkan di dalamnya berbagai-bagai amaran supaya mereka (umat manusia seluruhnya) bertaqwa, atau (agar) ia (al-Qur'an itu) menimbulkan pengajaran untuk mereka. (Thaaha:113). Di dalam ayat 102 Surah Thaaha terdapat isyarat kepada buku suratan amalan manusia di akhirat nanti yang menyebabkan muka orang-orang yang bersalah menjadi biru, muram. Di dalam ayat 113 Surah yang sama pula tersebut dengan terang Qur'an, sebuah buku dalam bahasa 'Arab untuk panduan hidup manusia semasa di dunia. Begitulah juga dengan Surah al-Qiyaamah ini, apabila Allah s.w.t. menyebut di dalamnya:

يُنَبِّئُوا الْإِنْسَانَ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ۚ

Bermaksud: Pada hari itu, manusia akan diberitahu tentang apa yang ia telah lakukan, dan apa yang ia telah tinggalkan. (al-Qiyaamah:13), Allah s.w.t. telah menyusulkannya dengan ayat:

لَا تَحْرُكَ بِهِ لِسَانُكَ لَتَعْجَلَ بِهِ ۚ

Bermaksud: Janganlah engkau menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Qur'an itu supaya engkau segera mendapatkannya. Ayat 13 Surah al-Qiyaamah mendedahkan bahawa manusia akan diberitahu tentang apa yang ia telah lakukan dan apa yang ia telah tinggalkan. Dengan apakah manusia akan diberitahu kelak? Jawabnya ialah dengan suratan amalannya. Ayat 16 Surah al-Qiyaamah pula menceritakan tentang al-Qur'an, buku panduan hidup manusia yang masih lagi di peringkat permulaan penurunannya pada masa itu. (6) Jawapan Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri tentang ketidaksesuaian ayat-ayat yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas dengan siyaaq dan sibaaqnya ialah kerana ayat-ayat al-Qur'an itu kadang-kadang tidak hanya mengandungi satu ma'na sahaja. Malah selain ia mempunyai ma'na yang sering dikaitkan dengan *Asbabul Nuzul*nya, ia juga mempunyai ma'na pertama dan ma'na asalnya. Ma'na pertama itu mungkin hanya ada satu sahaja atau lebih daripadanya. Ma'na pertama yang disebut Maulana Anwar Syah sebagai المراد الأولي atau ma'na asal bagi sesuatu ayat itulah sebenarnya yang ada pertalian dan kesinambungan maksudnya dengan maksud ayat-ayat siyaaq

dan sibaaqnya. Ma'na pertama ataupun ma'na asal bagi mana-mana ayat al-Qur'an ialah ma'na yang berkait dengan keseluruhan ayat tersebut tanpa melihat kepada *Asbabul Nuzul* atau kronologi peristiwa di sebalik tabir penurunannya. Tafsiran al-Qaffaal tadi sebagai contohnya, adalah salah satu tafsiran berdasarkan ma'na pertama ayat-ayat al-Qur'an. Perbezaan di antara ma'na asal dan ma'na kedua yang diperolehi daripada *Asbabul Nuzul* bagi ayat-ayat tersebut ialah menurut ma'na asalnya, apabila Allah menceritakan kepada Nabi s.a.w. tentang perihai hari kiamat dan Baginda s.a.w. menyampaikannya kepada orang ramai, orang-orang kafir terus mencelah dengan pertanyaan-pertanyaan yang berunsur ejekan. Seperti: *يَسْتَلُونَ أَيَّانَ يَوْمَ الدِّينِ* Bermaksud: mereka bertanya (secara mengejek): "Bilakah datangnya hari Pembalasan itu?" (ad-Dzaariyaat:12). *يَسْتَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا* Bermaksud: mereka akan bertanya kepadamu (wahai Muhammad sebagai mengejek) tentang hari kiamat: "Bilakah masa datangnya?" (an-Naazi'aat:42). Di dalam Surah al-Qiyaamah ini pula begini pertanyaannya: *يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمَ الْقِيَمَةِ* Bermaksud: Dia bertanya (secara mengejek): "Bilakah datangnya hari kiamat itu?" (al-Qiyaamah:6). Provokasi seperti itu telah menyebabkan Nabi s.a.w. hampir-hampir membalas ejekan tersebut dengan mengucapkan sesuatu, sehingga digambarkan oleh al-Qur'an bahawa lidah Baginda s.a.w. sudah bergerak-gerak, seolah-olah jawapan yang ingin diberikan oleh Baginda itu hampir-hampir terpacul saja dari bibirnya. Tetapi tindakan tersebut telah dihalang oleh teguran daripada Allah s.w.t. yang mengingatkan bahawa tugas menjelaskannya adalah kerja Allah bukan kerjamu. Jangan sekali-kali engkau membuka mulut untuk membicarakan tentang bilakah masa akan berlaku kiamat itu. Allah seterusnya berfirman:

إِنْ عَلَيْنَا جُمُوعَهُمْ وَفَرَأَانَهُ ۖ

Menurut tafsiran Maulana Anwar Syah Kashmiri, maksudnya ialah berdasarkan janji yang telah dibuat, Kami akan mengumpulkan kembali komponen-komponen alam yang telah berselerak pada hari Mahsyar nanti. Kami sendiri juga akan menerangkan tentang perihai hari kiamat itu dari semasa ke semasa, sesuai dengan keperluan dan mashlahat Kami di dalam al-Qur'an. Firman Allah seterusnya:

فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ۖ

Ditafsirkan oleh Maulana dengan katanya: Apabila Kami membacakan ayat-ayat al-Qur'an tentang kiamat, beramallah engkau sesuai dengan kehendaknya. Di samping itu, suruhlah orang-orang lain juga bersiap sedia menghadapinya. Firman Allah seterusnya ialah:

ثُمَّ إِنْ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ۖ

Menurut Maulana, maksudnya ialah: "kemudian spt telah dijanjikan, Kami akan menzahirkannya (hari kiamat) dengan tiupan sangkakala dsb." Manakala ma'na kedua (المراد الثانوي) yang diperolehi daripada *Asbabul Nuzulnya* pula ialah sebagaimana yang diceritakan di dalam tafsir Ibnu 'Abbaas sebelum ini. Antara contoh lain yang diberikan oleh Maulana Anwar Syah Kashmiri dalam menjelaskan perbezaan di antara ma'na pertama atau ma'na asal dan ma'na kedua yang diperolehi daripada *Asbabul Nuzul* ayat-ayat al-Qur'an ialah firman Allah di bawah ini:

أَلْطَلْقُ مَرَّتَانٍ ۖ فَمَا سَاكُ مَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيعٌ بِإِحْسَانٍ

Bermaksud: Talak (yang dapat dirujuk) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik... (al-Baqarah:229). Mentafsirkan تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ dengan menceraikan buat kali ketiga ada tersebut di dalam satu hadits mursal riwayat Abu Razin. Dan ia merupakan ma'na kedua berdasarkan sebab nuzul bagi تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ tersebut. 'Abdur Razzaaq telah meriwayatkan hadits Abu Razin itu di dalam Mushannafnya. Berikut adalah haditsnya: عبد الرزاق عن الثوري عن إسماعيل عن أبي رزين قال جاء رجل فقال يا رسول الله أسمع الله يقول الطلاق Bermaksud: Abu Razin meriwayatkan, katanya: Ada seorang lelaki datang, lantas dia bertanya. Katanya: "Wahai rasulallah! Saya dengar Allah berfirman: "Talaq dua kali. Mana yang ketiganya?" Jawab Nabi s.a.w.: "التسريح بإحسان". Selain 'Abdur Razzaaq, hadits ini dengan lafaz yang sama diriwayatkan juga oleh Abu Daud di dalam Marasilnya. Al-Baihaqi, ad-Daraquthni dan Ibnu Abi Syaibah juga ada meriwayatkannya di dalam kitab masing-masing dengan sedikit perbedaan pada lafaznya. Golongan Syafi'iyah berpegang dengan ma'na kedua ayat ini yang berdasarkan sebab nuzulnya. Hadits Abu Razin itulah alasan mereka. Golongan Hanafiyyah pula berpegang dengan ma'na pertamanya. Ma'na pertama تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ menurut mereka ialah tidak meruju' kembali kepada isteri setelah diceraikan. Sama ada dengan (a) Menceraikannya buat kali ketiga atau (b) Terus tidak meruju' selepas talaq kedua dilakukan sampai habis 'iddah. Itulah ma'na pertama bagi تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ, jika tidak dilihat atau diambil kira hadits mursal Abu Razin tadi. Kalau تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ itu dipakai dengan ma'na talaq yang ketiga semata-mata, maka apakah ertinya firman Allah di dalam ayat berikutnya:

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا حِلَّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَكَحَّ زَوْجًا غَيْرَهُ، فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ طَلَّأَ أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ، وَلَكُمْ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾

Bermaksud: kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), Maka perempuan itu tidak lagi halal baginya sehingga dia berkawin dengan suami yang lain. Setelah itu jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk berkawin kembali, jika keduanya berpendapat akan dapat menegakkan hukum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkanNya kepada kaum yang (mahu) mengetahui. (al-Baqarah:230). Bukankah ia akan memberi erti talaq yang tersebut di dalam ayat ini adalah talaq yang keempat? Padahal para 'ulama' telah bersepakat tentang talaq itu hanya setakat tiga kali sahaja. Menurut 'ulama' dalam mazhab Hanafi, ayat 230 Surah al-Baqarah ini tidak menceritakan tentang talaq ketiga atau keempat. Ia dikemukakan hanya untuk menjelaskan salah satu daripada dua bentuk تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ yang telah disebutkan sebelumnya. Telah pun dikemukakan sebelum ini bahawa ma'na pertama (المراد الأولي) bagi تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ itu ialah tidak meruju' kembali kepada isteri setelah diceraikan. Sama ada dengan (a) Menceraikannya buat kali ketiga atau (b) Terus tidak meruju' selepas talaq kedua dilakukan sampai habis 'iddah. Huruf ف di permulaan ayat 230 Surah al-Baqarah itu adalah ف bayaaniyyah. Menurut mereka, ia digunakan di sini untuk menjelaskan bahagian (b) daripada ma'na pertama تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنِ tersebut. (Lihat Faidhu al-Baari- j.1 hal. 35-36 dan Kasyfu al-Baari j.1 hal. 454-456). Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmani sependapat dengan Maulana Anwar Shah al-Kashmiri dalam masalah ini. Beliau telah memberikan contoh yang lebih jelas di dalam kitab tafsir beliau ketika membincangkan firman Allah di permulaan Surah Huud:

ma'na *Awwali* atau ma'na asal bagi ayat berkenaan adalah berkaitan dengan orang-orang kafir yang cuba menyembunyikan niat-niat jahat di dalam hati-hati mereka. Orang-orang kafir yang selalu mengadakan perjumpaan-perjumpaan sulit demi melaksanakan perancangan jahat mereka. Kesenambungan ayat kelima dengan ayat-ayat sebelumnya baru akan ketara, apabila kesemuanya dilihat dari sudut pandang *ma'na Awwalinya*. Ma'na awwali bagi ayat-ayat tersebut menurut Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmani ialah: Kalau kamu tidak ta'at dan patuh kepada Nabi Muhammad yang diutuskan Allah itu dan kamu terus menderhaka dan memberontak terhadapnya, Allah akan menyiksa kamu pada hari kiamat nanti. Inilah yang nyata daripada firmanNya: **وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ** (dan jika kamu berpaling, maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab hari kiamat yang besar). Untuk dapat menyiksa seseorang pesalah, pemerintah semestinya mempunyai tiga syarat berikut ini: (a) Pesalah itu mestilah berada dalam kekuasaannya. Kalau pesalah itu berada di luar wilayah kekuasaannya, bagaimana dia akan dapat menyiksanya? (b) Pesalah itu mampu disiksanya. Kalau pemerintah seorang yang lemah dan kerdil, pesalah pula seorang yang gagah perkasa, jauh lebih kuat daripadanya, bagaimana dia akan dapat menyiksanya? (c) Pemerintah memang mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Kalau dia langsung tidak mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh seseorang, tentulah tidak patut dia menyiksanya. Setelah mengancam orang-orang yang berpaling dan menderhakai RasulNya, Allah berfirman: **إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ** (Kepada Allah jualah kembalimu). Kalau begitu, bagaimana mereka akan terlepas daripada kekuasaanNya. Tiada lagi tempat untuk mereka melarikan diri! Sekarang syarat (a) sudah ada. Syarat (b) juga ada di dalam ayat yang sama; **وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ** (dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu). Biar siapa pun yang memberontak dan menderhaka, dia tetap kedil di hadapan Allah. Tinggal lagi syarat ketiga. Isyarat kepadanya ada tersebut di dalam ayat (5) selepasnya; **أَلَا إِنَّهُمْ يَنْتُونُ صُدُورَهُمْ لِيَسْتَخْفُوا مِنْهُ أَلَا حِينَ يَسْتَغْشُونَ ثِيَابَهُمْ يَعْلَمُ مَا يُبْسِرُونَ وَمَا يُعْلِنُونَ إِنَّهُ عَلَيْهِمْ بَيِّنَاتٌ مِنَ الصُّدُورِ** (Ketahuilah! Sesungguhnya mereka (yang ingkar itu) membongkokkan badan untuk menyembunyikan (perasaan buruk yang ada di dalam dada mereka) daripadanya. Ketahuilah! Semasa mereka berselubung dengan pakaian mereka sekalipun, Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka zahirkan; Sesungguhnya Dia Maha mengetahui segala isi hati). Kalau tidak ada apa pun yang tersembunyi kepada Allah, tentulah kesalahan-kesalahan manusia juga tidak tersembunyi kepadaNya. Lihatlah betapa harmoni dan saling berkaitannya maksud ayat-ayat tadi, apabila ia ditinjau menggunakan perspektif *ma'na awwalinya*. (7) Sesetengah 'ulama' Tafsir cuba mengaitkan ayat-ayat yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits di atas dengan *siyaaq* dan *sibaaqnya* yang membicarakan tentang hari kiamat, dengan mentafsirkan ayat ketiga belas Surah al-Qiyaamah yang berbunyi:

يُنَبِّئُ الْإِنْسَانَ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ۚ

itu begini: "Sebenarnya ayat ini menggambarkan perihal manusia yang disoal pada hari kiamat nanti. Antara soalan yang akan dikemukakan nanti ialah kenapa kamu mengemudikan kerja yang sepatutnya didahulukan? Dan kenapakah kamu mendahulukan kerja yang sepatutnya dikemudikan? Kenapa kamu misalnya, mendahulukan atau mengutamakan pekerjaan kamu daripada sembahyang? Bukankah sepatutnya sembahyang itu didahulukan dan diutamakan daripada perkara-perkara yang lain? Pergi mengerjakan haji sepatutnya didahulukan daripada pergi melancong ke lain-lain tempat. Kenapa kamu mendahulukan pergi melancong ke tempat-